

# BAB DUA

Bug Busters, Inc. has been serving the greater metropolitan area since 1972.

## BAB 2

### TINJAUAN KAJIAN DAN PENULISAN BERKAITAN.

#### 2.0 Pendahuluan

Dalam proses pemerolehan bahasa, bahasa kedua berbeza dengan bahasa pertama iaitu bahasa ibunda. Penguasaan bahasa pertama di kalangan penutur jati berlaku secara tidak formal. Mereka hanya perlu didedahkan kepada bahasa dan tanpa disedari mereka akan pandai dengan sendirinya melalui pendedahan tersebut.

Bagi bahasa kedua pula, kanak-kanak perlu mempelajarinya dan mesti diajar secara formal dan akan berkembang melalui banyak latihan dan pengukuhan. (*Kamarudin Hj.Husin, 1998:353*)

Seseorang yang mempelajari bahasa, walau bahasa apa sekalipun, akan mudah berjaya sekiranya mereka dapat menguasai beberapa kemahiran penting dalam proses pembelajaran bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Daripada keempat-empat kemahiran bahasa, kemahiran menulis boleh dianggap sebagai kemahiran yang paling tinggi kedudukannya dan yang paling sukar dikuasai oleh pelajar. Ini kerana ia hanya boleh diperolehi dan dikuasai melalui pembelajaran. Malahan ramai di kalangan

pendidik bahasa bersetuju bahawa kemahiran menulis ini haruslah bermula apabila kemahiran-kemahiran lain sudah sebat dengan pelajar, terutama sekali bagi pelajar-pelajar muda. (*Azman Wan Chik, 1994:66*)

## 2.1 Maksud Kemahiran Menulis

Menulis ialah proses merakam atau menghasilkan bahan yang berbentuk idea, pendapat, pengalaman, perasaan dan maklumat dalam bentuk tulisan untuk berhubung dengan orang lain atau diri sendiri. (*Kamarudin Hj Husin & Siti Hajar Hj.Abdul Aziz,1997:2*)

Menulis juga bermaksud memberikan simbol grafik bagi melambangkan bahasa yang dapat difahami oleh seseorang itu, supaya orang lain juga boleh membaca simbol grafik tersebut sekiranya mereka tahu bahasa itu dan simbol grafiknya.Tulisan itu berupa perlambangan sebahagian dari bahasa ungkapan. (*Robert Lado,1980:193*)

Ia juga merupakan satu proses memberikan simbol-simbol grafik bagi melambangkan bahasa dalam menyusun perkataan, rangkai kata, ayat dan seterusnya unit-unit yang lebih panjang mengikut peraturan-peraturan tertentu dengan menunjukkan wacana dan pelahiran idea yang jelas dan tersusun. (*Kamarudin Hj Husin & Siti Hajar Hj.Abdul Aziz,1997:2*)

Di sini dapatlah difahami bahawa penulisan merupakan satu proses untuk menyampaikan idea, buah fikiran, perasaan atau pendapat dalam

bentuk grafik. Bentuk-bentuk grafik ini disusun sehingga melambangkan sebutan bahasa yang dapat dibaca dan difahami maksudnya.

Manakala menurut Kamarudin Hj Husin (1998 : 266) pula, tulisan adalah bahasa yang bertulis dengan lambang-lambang bunyi, jika tulisan itu dibunyikan semula ia dikatakan bahasa. Tulisan adalah alat untuk melahirkan fikiran dan perasaan. Ia juga merupakan bahasa yang tersusun yang berupa rangkai-rangkai kata dan ayat-ayat. Seseorang individu menikmati hasil fikiran dan perasaan orang lain melalui butiran-butiran tulisannya.

Oleh itu pelajaran menulis sangatlah penting kerana ia bertindak sebagai alat bagi menurunkan segala isi pelajaran dan mempamerkan buah fikiran seseorang itu. Tulisan juga berhubung rapat dengan membaca. Kedua-duanya mementingkan teknik dan akal. Membaca tidak mungkin ada sekiranya tidak ada tulisan dan begitulah juga di sebaliknya. Seseorang itu pula berpeluang membaca apabila ada hasil penulisan untuk dibaca.

Di sekolah-sekolah, pelajaran menulis dan membaca bukanlah sesuatu yang terpisah sifatnya, malah ia seharusnya dijalankan serentak atau selari. Walaupun pada dasarnya membaca seharusnya mendahului tulisan tetapi terdapat juga kanak-kanak yang telahpun pandai menulis ketika masuk ke sekolah. (*Kamarudin Hj Husin, 1998:266*)

## **2.2 Sejarah Tulisan dan Penulisan Arab .**

Keadaan bahasa Arab sebelum Masihi amat kabur kerana tidak terdapat ukiran-ukiran yang mengandungi teks-teks Arab. Teks-teks yang paling lama dijumpai tidak melebihi kurun ketiga Masihi atau dua kurun sebelum Islam. Walaupun begitu, ini tidak bermakna bahasa Arab tidak pernah wujud sebelum Masihi. Malah sebahagian daripada orientalis telah mengatakan bahawa bahasa Arablah yang paling banyak mempunyai unsur-unsur bahasa Sam yang pertama berbanding dengan cabang-cabang bahasa Sam yang lain. (*Ibrahim Anis*, 1973:33)

Bahasa Sam ialah bahasa yang digunakan oleh bangsa-bangsa Sam iaitu Aramiyyah, Finiqiyah, Ibriyyah, Arabiyyah, Yamaniyyah dan Babiliyyah Asyuraiyyah. Nama-nama Sam pula adalah berdasarkan kepada keturunan Nabi Nuh a.s. Beliau telah meninggalkan tiga orang anak iaitu Sam, Ham dan Yafath.

Keturunan Sam yang merupakan asal kepada bangsa Arab, pada mulanya bertapak di Semenanjung Tanah Arab. Dari situ lah sebahagian daripada mereka telah berhijrah ke kawasan-kawasan Selatan terutamanya ke Iraq. Ianya menjadi tumpuan dan daya tarikan utama kerana buminya yang subur dan mempunyai dua batang sungai yang terkenal. Keturunan Sam yang berhijrah ke kawasan Timur dunia Arab (iaitu di Iraq) di gelar Babil dan Asyur. Manakala yang berhijrah ke kawasan Barat Laut (iaitu di Syam dan Timur Iraq) mereka digelar Kan'an dan Aram. Bagi yang berada

di sebelah Barat Daya pula, mereka digelar Arab dan Habsyah.  
(Broklemann, C dalam Mohd. Zaki Abd Rahman, 2001:25-26)

Manakala dari segi tulisan Arab pula, sejarah dan permulaannya serta untuk mengetahui orang yang pertama menulisnya merupakan satu perkara yang hampir mustahil, ini kerana tiada bukti sejarah yang boleh dijadikan sandaran dalam menentukan bentuk huruf Arab dan tempat asalnya. Maklumat yang ada sekarang tidak dapat diterima kerana dua sebab iaitu yang pertama cerita mengenainya bergantung kepada riwayat dari mulut ke mulut dan keduanya ialah tiada bukti secara ilmiah yang dapat menentukan permulaan penulisan Arab. (Ibrahim Dimrat, 1987:11)

Terdapat beberapa pendapat tentang asal usul tulisan Arab Antaranya ialah seperti berikut;

- i. di kalangan sejarawan, ada yang mengembalikan asal huruf Arab kepada Nabi Adam a.s berdasarkan firman Allah dalam surah al Baqarah ayat 31 yang berbunyi :

وَعَلَمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلُّهَا

Ini bererti tulisan Arab merupakan sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t dan telah diketahui oleh Adam a.s 300 tahun sebelum kematiannya. Terdapat juga riwayat dari Abu Dharr bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya: “orang yang pertama menulis dengan pena selepas Adam a.s ialah Idris a.s. (*Ibid. m.s 11*)

- ii. ada yang berpendapat bahawa tamadun Yaman telah menulis dengan bahasa Himyar yang terdiri daripada dua bentuk tulisan (qalam)iaitu:
- a) الْمُسْتَدْ . Ia merupakan huruf-huruf yang terpisah dan tidak terdapat perkataan yang bersambung hurufnya yang boleh menguatkan bentuk tulisan Arab yang terpisah atau yang bersambung.
- b) الْمُشَقْ مِن الْمُسْتَدْ . Ia digunakan untuk menulis teks-teks Thamudiyyah, Safawiyah dan Lahyaniyyah. (*Ibrahim Dimrat, 1987. m.s 12*)
- iii. terdapat juga riwayat yang menunjukkan bahawa asal tulisan/ejaan huruf-huruf bahasa Arab diambil dari tulisan Siryaniy. (Subh al A'sya dalam Ibrahim Dimrat, 1987:12)
- iv. terdapat riwayat yang merakamkan bahawa orang yang pertama mencipta dan menyusun huruf-huruf tulisan Arab ialah enam orang dari طسم di Semenanjung Tanah Arab. Nama-nama mereka ialah seperti berikut : (أَبْحَدٌ، هَوْزٌ، خُطْيٌ، كَلْمَنٌ، قُرَشَتٌ) Oleh kerana itu, penulisan dan tulisan Arab dibentuk berdasarkan nama-nama mereka. Jika terdapat huruf-huruf yang tidak terdapat di dalam nama mereka di dalam perkataan-perkataan, mereka akan menggabungkan dan menamakannya (ث ح ذ ض غ ظ) iaitu الْرُّوَادِفُ. Setelah itu tulisan tersebut berpindah ke al Anbar dan berhubung dengan

penduduk di Semenanjung Tanah Arab dan tersebarlah di kalangan bangsa Arab.(*Ibrahim Dimrat, 1987:13*)

Riwayat keempat merupakan riwayat yang termasyhur tentang permulaan tulisan Arab. Namun begitu, Ibrahim Dimrat cenderung kepada satu pendapat yang lebih menepati realiti. Pendapat ini mengembalikan tulisan di dunia kepada empat cabang yang merupakan “ibu” kepada pelbagai jenis huruf yang terdapat di dunia. Jenis-jenisnya ialah:

- i. **الخط المستماري** . Tulisan ini digunakan di Babil dan Asyur serta kawasan sekitarnya. Namun begitu ianya telah pupus.
- ii. **الخط الحبيث** . Tulisan ini digunakan di Syam dan telah pupus kerana ia digantikan dengan satu bentuk tulisan yang lebih mudah digunakan.
- iii. **الخط الصهيوني** . Tulisan ini digunakan di Asia Tenggara. Ia terpecah kepada beberapa jenis dan masih digunakan sehingga ke hari ini.
- iv. **الخط المصري** . Tulisan ini tersebar di negara-negara yang berjiran dengan Mesir, hasil daripada percampuran pelbagai bangsa dengan tamadunnya. Daripada tulisan ini, timbulah tulisan Finiqiy yang lebih mudah dan banyak tersebar di Asia, Afrika dan Eropah. (*Ibid,.m.s 13-14*)

Hifni Bik Nasif menganggap jenis yang keempat, iaitu tulisan Mesir merupakan peringkat pertama dalam rantaian tulisan Arab. Beliau membahagikannya kepada tiga jenis iaitu:

- 1) الخط المصري (Hiroglifik). Ia digunakan oleh Kuhhan dan khidmat untuk agama.
- 2) الخط الخاصة (Hirotiq). Ia digunakan oleh pekerja-pekerja diwan dan penulis-penulis kerajaan.
- 3) الخط العامة (Dimotiq). Ia digunakan oleh para penulis daripada kalangan rakyat. (*Ibrahim Dimrat, 1987.m.s 14*)

Kaum Finiq merupakan golongan yang pertama menggunakan huruf-huruf abjad dan mengajarkannya kepada golongan yang sezaman dengannya seperti orang-orang Yunan dan Kaldan. Huruf-huruf abjad ini kemudiannya tersebar ke merata tempat melalui urusan perniagaan dengan bangsa-bangsa lain. (*Turkiy Āṭiyyah Juburiy, 1984:85*)

Abbas Mahmud al ‘Aqad berpendapat bahawa orang-orang Mesir kuno telah mencipta tulisan berlambang dan mengubahkannya kepada suku kata dan seterusnya kepada huruf-huruf yang dikenali sebagai huruf-huruf abjad (Lihat lampiran 2.1) (*dalam Turkiy Āṭiyyah Juburiy, 1984:85*)

Huruf-huruf Arab di zaman pra Islam dan sebelumnya tidak mempunyai tanda dan baris serta tidak ada unsur-unsur keindahan dalam tulisannya. Tulisannya juga ditulis dengan tidak sistematik dan menyebabkan susah untuk dibaca. (*Ibid, 1984:123*)

Pada zaman Yusuf bin Hajjaj al Thaqafi, Nasar bin ‘Asim dan Yahya bin Ya’mur merupakan murid kepada Abū al Aswad al Duali telah meletakkan titik yang dikenali sebagai titik “al I’jām” (الْإِعْلَم) untuk membezakan huruf-huruf yang sama bentuk tulisannya dengan titik yang telah dilakukan oleh guru mereka iaitu Abū al Aswad. Ini berlaku pada zaman pemerintahan Abdul Malik bin Marwan. (*Muhammad ‘Abdul Mun’im al Khafājī dalam Suhair Abdul Mune’m*, 1994:157)

Manakala di kepulauan Melayu pula, tulisan Jawi yang digunakan oleh orang-orang Melayu juga berasal daripada skrip Arab yang telah sampai kepada mereka bersama-sama dengan kedatangan agama Islam. Skrip Arab pula tergolong dalam keluarga Semitik daripada cabangan Semitik Utara yang menurunkan keluarga kecil Aramaik dan seterusnya kepada Nabataen dan kepada skrip Arab (*Hashim Haji Musa*, 1999:1)

Dari segi penggunaan tulisan pula, dalam konteks dunia Arab ianya telah bermula sebelum kedatangan Islam lagi. Namun kepentingannya mula dirasai setelah kedatangan Islam. Islam memandang tinggi kedudukan penulisan sehingga mata pena dianggap lebih tajam daripada mata pedang dalam menyampaikan misinya. (*Suhair ‘Abdul Mune’m*, 1994:11).

Orang-orang Arab Jahiliah telah mengenali tulisan dan terdapat beberapa orang di kalangan mereka yang telah mengenali tulisan. Sebagai buktinya Rasulullah s.a.w pernah memutuskan supaya tawanan perang

Badar dari kalangan kaum Quraisy mengajar sepuluh orang kanak-kanak Islam menulis dan membaca sebagai syarat pembebasan diri mereka. (*Turkiy Ḩatiyyah Juburiy*, 1984:59). Ini menunjukkan bahawa terdapat di kalangan orang kafir Quraisy yang ditawan itu telah pandai menulis dan membaca.

Penulisan pada zaman Jahiliah tidak tersebar luas dan fungsi penggunaannya adalah terhad dan terbatas di dalam lingkungan yang sempit dan ianya selaras dengan keadaan tamadun pada masa itu. Terdapat juga sebilangan sahabat yang pandai menulis dan mereka telah ditugaskan oleh Rasulullah s.a.w untuk menulis wahyu. Ini bermakna kemahiran ini telah dipelajari atau didapati pada zaman Jahiliah iaitu sebelum kedatangan Islam. (*Osman Haji Khalid*, 1999:218)

Kedatangan Islam telah membawa kejutan yang kuat terhadap penulisan. Penekanan Islam terhadap tulisan dapat dilihat dalam wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w iaitu dalam surah al-‘Alaq.

### **2.3 Kepentingan Kemahiran Menulis.**

Kemahiran menulis amat penting dalam dunia moden. Ini jelas kelihatan dalam dunia persekolahan, pekerjaan dan sosial, misalnya dalam dunia persekolahan, kemahiran menulis diperlukan dan diuji secara formal atau tidak formal, bukan sahaja dalam mata pelajaran bahasa, tetapi dalam

hampir semua mata pelajaran lain di sekolah. Para pelajar memerlukan kemahiran menulis ini bagi menjawab soalan terutama jenis eseи. (*Abdul Aziz Abdul Talib, 1996:119-120*).

Menurut Turkiy "Atiyyah Juburiy (1984:60), menulis adalah penting sebagai asas untuk mencatat sejarah dan merekodkan maklumat. Apabila seseorang itu dapat menguasai kemahiran menulis ia boleh mencatat segala maklumat yang berkaitan dengan kehidupannya. Kebanyakan orang beranggapan bahawa menulis itu merupakan "sebesar-besar rekaan dalam kehidupan manusia".

Terdapat juga ayat-ayat al Quran yang menunjukkan kepentingan menulis. Di mana kita dapat bahawa wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w berkaitan dengan bacaan dan tulisan dengan kalam. Firman Allah dalam surah al "Alaq yang berbunyi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ أَقْرَأْ وَرَبَّكَ  
الْأَكْرَمِ ۝ الَّذِي عَلَمَ بِالْقَلْمَنِ ۝ عَلَمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

Maksudnya;

"Bacalah (ya Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan. Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu yang amat pemurah. Yang mengajar (menulis) dengan kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya".

Begitu juga di dalam al Quran lafaz-lafaz sumpah yang menunjukkan kepada **الْقَلْمَنْ** yang bermaksud “qalam atau pena” dan “buku yang ditulis” firman Allah s.w.t dalam surah al Qalam yang berbunyi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
نَّوَّالْقَلْمَنْ وَمَا يَسْطُرُونَ ﴿١﴾

Maksudnya : *Nun, demi qalam dan apa yang mereka tulis.*

Dari sini jelaslah kepada kita bahawa menulis itu penting dalam kehidupan seseorang. Di antara sebab kita tidak mengetahui sejarah awal zaman Hijriah dan sebelumnya ialah kerana manusia tidak tahu menulis. Dengan ini mereka tidak dapat mencatatnya dengan baik. (*Turkiy cAtiyyah Juburiy, 1994:60*)

#### **2.4 Objektif dan Komponen Kemahiran Menulis**

Kamarudin Hj Husin & Siti Hajar Hj.Abdul Aziz (1997 : 3) telah menggariskan beberapa objektif kemahiran menulis dalam bahasa Melayu. Di sini penulis merasakan ianya boleh diterima pakai di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Di antara objektif kemahiran menulis yang dikemukakan ialah:

- i. untuk membolehkan pelajar melahirkan fikiran, perasaan dan membolehkan mereka membina kemahiran mengumpul, memilih dan menyusun idea-idea, hujah-hujah, dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.

- ii. pelajar juga dapat melahirkan maksud, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan jelas dan berkesan dalam tulisan.
- iii. untuk membolehkan pelajar menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakan untuk pelbagai tujuan.
- iv. untuk mengembangkan daya cipta pemikiran dan keyakinan diri untuk menulis berbagai-bagai karangan dengan struktur yang betul dan menarik.

Di dalam kemahiran menulis terdapat beberapa komponen penting yang harus dikuasai oleh setiap pelajar yang mempelajari bahasa. Untuk tujuan itu, Heaton telah membahagikan kemahiran menulis kepada lima komponen, iaitu:

- i. penggunaan bahasa: kebolehan menulis ayat yang betul dan sesuai.
- ii. kemahiran mekanikal: kebolehan menggunakan tanda baca dan ejaan dengan betul.
- iii. penggunaan isi : kebolehan berfikir secara kreatif dan mengembangkan fikiran.
- iv. gaya : kebolehan menggunakan ayat dan ungkapan dalam bentuk yang menarik dan dengan bahasa yang berkesan.

- v. kemahiran menilai : kebolehan menulis dalam gaya yang sesuai untuk sesuatu tujuan kepada pembaca yang tertentu dan kebolehan meramal dan menyusun maklumat yang penting.

(*dalam Tunku Mohani Tunku Mohtar, 1994:392-393*)

## **2.5 Pandangan Sarjana Tentang Latihan dan Penilaian.**

Mengajar dan melatih pelajar merupakan sebahagian penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah. Hal ini berlaku dari semasa ke semasa sepanjang tahun. Latihan-latihan boleh dijalankan di bilik darjah ataupun di rumah sebagai kerja rumah. Latihan-latihan bahasa yang diberikan kepada pelajar sebagai kerja rumah sudah semestinya dalam bentuk bertulis seperti latihan mengarang, latihan bacaan, kefahaman teks dan sebagainya. (*Abd Aziz Abd Talib, 2000:292* )

Dalam menilai bahasa, kemahiran-kemahiran berbahasa seperti pendengaran, pertuturan, pembacaan dan penulisan hendaklah diambil kira dan diuji serta dilatih. (*Rafiah Abdul Aziz & Muhd Rosli Mohd Ghazali, 1983:80*)

Satu perkara yang penting sekali dalam pembelajaran bahasa ialah latihan. Walau bagaimanapun, haruslah diketahui bahawa latihan itu hanyalah merupakan satu bahagian sahaja daripada seluruh proses menjadi dwibahasa. (*Abdullah Hassan, 1996:78*)

Latihan merupakan aktiviti pengukuhan kepada aspek-aspek yang telah diajar. Tanpa latihan yang bercorak praktis, sesuatu pengajaran itu akan hanya bersifat teori semata-mata dan pelajar tidak akan berpeluang menggunakan ilmu dan kemahiran-kemahiran yang telah diajar. (*Abd Aziz Abd Talib, 2000:80*)

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1998:50-51): Latihan-pembelajaran adalah latihan yang dikukuhkan. Latihan yang dimaksudkan ini ialah ulangan satu-satu gerak balas dengan satu-satu rangsangan. Latihan dan latih tubi hendaklah dilakukan dalam keadaan yang bermakna. Jika ia tidak dilakukan sedemikian, pelajar-pelajar akan merasa bosan. Kebijaksanaan menguruskan dan menyebarkan latihan dengan sempurna akan menghasilkan kekekalan pembelajaran sepanjang masa.

Di kalangan teoris dan guru bahasa umumnya, mereka bersepakat bahawa jumlah latihan sangat penting untuk menentukan kejayaan dalam pembelajaran bahasa kedua. (*Jamali Ismail, 1991:956*)

Pendidikan adalah bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar mendapatkan pengetahuan dan kemahiran serta menanamkan nilai-nilai yang mereka perlukan bagi membolehkan mereka mencapai kecekapan yang tertentu. Oleh yang demikian adalah wajar diadakan penilaian selepas sesuatu pengajaran dijalankan supaya dapat ditentukan sama ada objektif yang telah ditetapkan bagi pelajaran tersebut telah dicapai atau

tidak. Hasil daripada penilaian ini juga dapat memberikan maklumat balik kepada tiga faktor utama dan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran tadi, iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada dan kaedah mengajar (*Atan Long, 233*)

Abd Aziz Abd Talib (2000:64) juga berpendapat bahawa kemahiran bahasa khususnya, kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang melibatkan aspek tata bahasa, perbendaharaan kata, ejaan, fonologi dan sebagainya memerlukan latihan yang mencukupi.

Kamarudin Hj Husin (1998:329) juga mengatakan bahawa, proses pembelajaran pelajar-pelajar tidak berakhir dengan penyampaian pelajaran oleh guru-guru sahaja, malah di akhir sesuatu pelajaran itu pihak guru seharusnya tahu sejauh mana sesuatu pelajaran itu telah diresapi oleh pelajar-pelajar mereka. Salah satu daripada cara-cara untuk mendapatkan maklumat ini ialah melalui ujian.

Seperti latihan, ujian juga penting dan merupakan sejenis latihan. Maksudnya ialah dalam sesuatu ujian terdapat juga unsur-unsur melatih dan dalam sesuatu latihan terdapat juga unsur-unsur menguji. Perkara ini amat benar dalam konteks di bilik darjah, apabila guru bahasa memberi latihan atau memberi ujian kepada pelajar-pelajarnya tentang sesuatu aspek atau kemahiran bahasa. (*Abd.Aziz Abd Talib, 2000:305*)

Perbezaan antara kedua-duanya ialah ujian lebih bersifat formal. Ujian formatif lebih bercorak latihan, manakala ujian sumatif bertujuan untuk menilai pencapaian pelajar pada peringkat akhir sesuatu tahap. Pada kesimpulannya, latihan dan juga ujian amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Latihan dan ujian mempunyai beberapa tujuan. antaranya ialah;

- i. untuk menguji aspek-aspek pengetahuan dan kemahiran yang telah diajar.
- ii. meningkatkan kebolehan pelajar terhadap sesuatu kemahiran atau aspek bahasa.
- iii. mengetahui sejauh manakah pelajar telah dapat menguasai atau mempelajari apa yang telah disampaikan.
- iv. membolehkan guru mengenal pasti kelemahan pelajar dan kerja-kerja pemuliharan dan pengayaan akan dijalankan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.
- v. mendorong pelajar supaya rajin belajar dan sentiasa berusaha bagi mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran, guru harus memperbanyakkan latihan dan latih tubi untuk membentuk satu kebiasaan

terhadap pelajaran yang disampaikan. Latihan dan latih tubi yang dilakukan secara intensif akan dapat membantu pelajar-pelajar memahami sesuatu itu dengan lebih baik dan menguasainya secara berkesan. Ulangan juga amat diperlukan. Biasanya proses yang berulang-ulang itu membuatkan seseorang itu semakin sedar dan dapat memahaminya dengan cepat. Ini boleh membantu mengukuhkan ingatan pelajar-pelajar terhadap pelajaran yang telah dipelajari. (*Kamarudin Hj Husin, 1993:92*)

## **2.6 Penggabungjalinan Antara Kemahiran Bahasa.**

Kemahiran bahasa melibatkan dua perkara. Pertama, kemahiran pada aras penerimaan, iaitu kemahiran membaca dan mendengar. Kedua, kemahiran pada aras penglahiran, iaitu kemahiran bertutur dan menulis. Aspek-aspek bahasa ini harus dilihat sebagai setiap bahagian yang saling berhubungan, berkait rapat dan bukan terpisah sifatnya. Oleh itu, kemahiran-kemahiran ini harus digabungjalinkan untuk mewujudkan satu strategi pembelajaran yang lebih bermakna. (*Kamarudin Hj Hussin, 1998:320*)


Konsep penggabungjalinan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa bukanlah merupakan satu konsep baru, malah sesuatu pengajaran bahasa yang dijalankan itu merupakan satu keseluruhan yang melibatkan sama ada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Melalui proses penggabungjalinan ini juga, kemahiran di atas akan dapat dikuasai

serentak. Strategi seperti ini pasti dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih bermakna dan menarik. (*Kamarudin Hj Husin, 1998:203*)

Penggabungjalinan dalam pengajaran dan pembelajaran ini mempunyai tujuannya yang tersendiri. Kamarudin Hj Husin (1990:15&16) telah menggariskan beberapa tujuan tersebut. Di antaranya ialah:

- (a) melalui proses penggabungjalinan, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak.
- (b) melalui program bersepadu, satu pengajaran melalui aktiviti yang menarik dan bermakna dapat dicipta.
- (c) ia dapat menimbulkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan.
- (d) ia membolehkan kemahiran-kemahiran saling kukuh-memperkuuh antara satu sama lain.

Sebagai kesimpulannya, guru boleh menggabungkan beberapa kemahiran dalam satu-satu pengajaran. Ini boleh dilihat melalui rajah 2.1 di bawah.



- K 1 - kemahiran mendengar
- K 2 - kemahiran bertutur
- K 3 - kemahiran membaca
- K 4 - kemahiran menulis

(Kamarudin Hj Husin ,1990:17)

#### **Rajah 2.1 - PENGGABUNGJALINAN ANTARA KEMAHIRAN BAHASA**

Penggabungjalinan ini juga boleh dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah di mana penggabungjalinan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab membawa maksud menggabungjalinkan beberapa kemahiran bahasa (mendengar, bertutur, membaca dan menulis) dengan menjalankannya secara serentak dalam sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Cara ini membolehkan pelajar menguasai kemahiran bahasa dan isi pelajaran secara bersepadu.

### **2.6.1 Kemahiran Menulis (ejaan / al imla')**

Al imla' adalah satu proses latihan menulis dengan betul supaya ia menjadi kebiasaan kepada pelajar. (*Muhammad 'Abd Ghani AL Misri, 1990:53*)

Pengajaran ejaan bahasa Arab merupakan salah satu cabang kaedah pengajaran bahasa Arab. Ia dianggap penting sebagai titik tolak untuk melahirkan generasi yang bukan sahaja boleh bertutur, membaca dan mendengar, tetapi berkemampuan juga menulis dalam bahasa Arab dengan sempurna dan betul.

Penguasaan kemahiran ejaan bahasa Arab adalah penting dalam kemahiran menulis. Apabila sesuatu perkataan dieja dengan betul, wujudlah keselarian antara gabungan huruf-huruf yang dicatat dengan bunyi-bunyi yang dituturkan. Ini bermakna berlakulah penggabungjalinan di antara dua kemahiran iaitu kemahiran mendengar dan menulis.

Di antara objektif pengajaran al imla' ialah :

- i. dapat melatih pelajar menulis huruf dan perkataan Arab dengan betul.
- ii. dapat meningkatkan kemahiran bahasa dan kognisi pelajar.
- iii. dapat melatih pelajar mendengar perkataan dengan baik dan menulisnya dengan tepat

- iv. dapat melatih pelajar dan pengamatan mereka melalui deria telinga atau pendengaran.
- v. dapat melatih pelajar menggunakan tanda baca di tempat yang betul.
- vi. dapat melatih pelajar memperbaiki seni khat (kaligrafi).
- vii. dapat menguji kebolehan menulis pelajar.
- viii. dapat mengenal pasti kelemahan ejaan pelajar dan memperbaikinya.
- ix. dapat mempertingkatkan perbendaharaan kata di kalangan pelajar.

## **2.6.2 Jenis-jenis al Imla' dan Kaedah Pengajarannya**

Menurut Sulaiman <sup>c</sup>Abdul Rahman al Haqīl (1990: 108-109) beliau telah membahagikan al Imla' kepada tiga jenis iaitu:

- i. **al Imla' al Manqūl** ﴿الْمُلَاءُ الْمُنْقُولُ﴾ – iaitu pelajar menyalin perkataan daripada buku atau apa yang ditulis oleh guru di atas papan hitam.

Kaedah pengajaran yang sesuai untuk jenis imla' ini ialah seperti berikut:

- a) guru membentangkan teks yang hendak ditulis oleh pelajar atau guru menulis teks tersebut di papan hitam.
- b) guru membaca teks dengan bacaan yang betul dan jelas.
- c) pelajar dikehendaki membaca teks tersebut.
- d) guru dan pelajar membincangkan isi kandungan teks tersebut.
- e) di akhirnya pelajar dikehendaki menyalin teks yang telah dibincang ke dalam buku tulis mereka.

- ii. **al Imla' al Manzūr** الاملاء المنظورة - iaitu satu teks yang akan ditulis oleh pelajar dibentang oleh guru dan guru membacanya dengan bacaan yang betul, serta membincangkan beberapa perkataan baru yang terdapat di dalam teks tersebut supaya pelajar dapat memahami maknanya dengan baik dan jelas. Seterusnya pelajar dikehendaki menyalin semula beberapa perenggan yang tertentu.

Kaedah pengajarannya ialah:

- a) guru membaca teks dengan jelas sama ada teks di papan hitam ataupun daripada buku.
- b) membincangkan makna perkataan yang susah atau baru dengan pelajar.

- c) pelajar dikehendaki menulis perkataan tersebut di papan hitam.
  - d) perkataan tersebut dipadamkan.
  - e) guru memulakan imla' dengan membaca teks dengan jelas perkataan demi perkataan demi perkataan tidak terlalu cepat kepada pelajar.
- iii. **al Imla' al Ikhtibari** - الْمُلْأَاءُ الْخَتِبَارِي - iaitu pelajar-pelajar hendaklah menulis apa yang dibaca oleh guru tanpa persediaan terlebih awal. Teks yang dipilih mestilah sesuai dengan tahap pelajar dan tidak terlalu susah.

Kaedah pengajarannya ialah seperti berikut:

- a) guru membaca teks dan menerangkan makna teks secara keseluruhan dan membincangkannya dengan pelajar tentang beberapa makna perkataan yang susah dan disalin di papan hitam.
- b) pelajar-pelajar dikehendaki menyalin apa yang dibaca oleh guru di dalam buku tulis mereka.

### **2.6.3 Membetulkan Kesalahan Ejaan Pelajar.**

Di dalam penulisan imla', sekiranya terdapat kesalahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar, guru-guru haruslah membetulkan kesalahan tersebut. Ini untuk mengelakkan kesalahan ejaan itu berulang semula. Di sini terdapat tiga cara untuk membetulkan kesalahan imla' pelajar.

Di antara teknik-teknik membaiki kesalahan imla' ialah:

- i. guru boleh memeriksa sendiri buku latihan pelajar di luar kelas.  
Ini dapat membantu guru mengetahui prestasi pelajarnya serta dapat mengenal pasti kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan oleh setiap pelajar.
- ii. pelajar-pelajar boleh memeriksa sendiri buku latihan mereka dengan penyeliaan guru. Ini merupakan satu cara untuk melatih pelajar percaya kepada diri sendiri dan dapat melihat kesilapan sendiri dengan serta merta.
- iii. pelajar-pelajar boleh memeriksa buku-buku latihan kawan-kawan mereka dengan cara menukar buku antara satu sama lain. Dengan ini juga mereka dapat mengetahui kesilapan dan membetulkannya. Cara ini boleh melatih pelajar bersifat amanah dalam membetulkan kesalahan-kesalahan tersebut. (*Sulaiman Abdul Rahman al Haqil , 1990:110*).

## 2.6.4 Tanda-tanda baca atau penanda wacana . علامات القراءة .

Dalam pengajaran imla', guru haruslah memberi pendedahan kepada pelajar tentang tanda-tanda baca dalam bahasa Arab dan menerangkannya secara terperinci serta melatih penggunaannya dalam penulisan. Tanda-tanda baca yang terdapat dalam bahasa Arab adalah seperti di jadual 2.1:

**JADUAL 2.1**  
**TANDA-TANDA BACA DALAM BAHASA ARAB**

Istilah Melayu	Istilah Arab	Simbol	Contoh penggunaan
1 . Koma	الفَاصِلَةُ	,	يَا حَسَنُ، احْتَرِمْ وَالدَّلَكَ
2 . Koma bertitik	الفَاصِلَةُ الْمُنْقُوْطَةُ	:	كُبِّنْ مُبْتَسِمًا دَائِمًا؛ فَإِنْ الْحَزْنُ لَا يَسْرُ أَحَدًا.
3 . Noktah	الْنُّقْطَةُ	.	فِي النَّاسِ السَّلَامَةُ، وَفِي الْعَجْلَةِ التَّدَاهَةُ.
4. Titik dua bertindih	الْنُّقْطَتَانِ	:	سَأَلَتْهُ: مِنْ أَنْنَ أَنْتَ؟
5 . Tanda tanya	عَلَامَةُ الْاسْتَفْهَامِ	؟	كَيْفَ حَالُكَ؟
6. Tanda seruan	عَلَامَةُ التَّعْجُبِ	!	مَا أَحْمَلَ الرَّبِيعَ!
7. Sempang	الشَّرْطَةُ	-	مُضْطَفَى - وَإِنْ كَانَ فَقِيرًا - مَحْبُوبٌ.
8. Tanda penguguran	عَلَامَةُ الْحَذْفِ	.....	الْبَلَادُ الْإِسْلَامِيَّةُ غَنِيَّةُ فِيهَا الزَّرَاعَةُ ..... وَالْمَعَادُونُ ... وَالرَّبِيعُ ..
9. Tanda kurungan	الْفَوْسَانِ	( )	كَانَ عُمَرُ (رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ) خَلِيفَةً عَادِلًا.
10. Tanda pembuka dan pengikat kata	عَلَامَةُ التَّنْصِيصِ	" "	قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: " إِذَا لَمْ تَسْتَعِ فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ "

(dalam 'Abdul Rahman Musa Abkar, 1991:103)

Semasa memberi latihan imla', guru haruslah menyebut tanda-tanda baca ini dengan jelas dan memastikan pelajar dapat menggunakannya dengan tepat.

## **2.7 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab.**

Pada hakikatnya, walaupun terdapat pelbagai kaedah pengajaran, tetapi matlamatnya sama, iaitu untuk meningkatkan kemahiran bahasa di kalangan pelajar. Ahli pedagogi bahasa berperanan untuk mencipta kaedah pengajaran bahasa, manakala peranan guru pula, adalah untuk menjayakannya di bilik darjah. Kadang kala guru boleh mencipta kaedah mereka sendiri yang dianggap bersesuaian, terutamanya bagi guru yang berpengalaman, kreatif dan rajin membaca buku, jurnal atau majalah yang berkaitan dengan aspek kaedah mengajar bahasa. (*Abdul Aziz Abdul Talib, 2000:33-34*)

Antara tujuan digunakan berbagai-bagai teknik mengajar dalam situasi pengajaran ialah untuk menarik minat pelajar agar mereka dapat mengekalkan perhatian serta membangkitkan rasa ingin tahu supaya objektif pengajaran guru tercapai (*Mok Soon Sang, 1992:3*)

Oleh kerana kemahiran menulis itu dianggap amat penting dalam dunia persekolahan, aspek pengajaran dan penilaianya seharusnya

diberikan penekanan yang secukup-cukupnya. Pendekatan dan kaedah pengajaran kemahiran menulis hendaklah sistematik dan dapat membina asas yang kukuh tentang berbagai-bagai sub-kemahiran yang penting yang berkaitan dengan kemahiran tersebut (*Abdul Aziz Abdul Talib, 1996:120-121*).

Menurut <sup>c</sup>Arif Kurkhi Abu Khudairi (1994:8), kaedah penulisan yang ideal terbahagi kepada empat bahagian iaitu: proses permulaan, latihan, ujian dan mengulangkaji semula apa yang ditulis. Kaedah ini akan menjadikan pengajaran penulisan sesuatu yang menyeronokkan dan bukannya menjemuhan pelajar. Di sini pelajar mestilah lebih memainkan peranan dalam segala aspek sementara guru haruslah bertindak sebagai pembimbing sahaja.

Dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab, <sup>c</sup>Abdul Rahman Musa Abkar (1991:99) telah menggariskan beberapa kaedah mengajar kemahiran menulis bahasa Arab, di mana pengajaran menulis haruslah bermula dari menulis huruf-huruf abjad sehingga karangan bebas. Proses belajar menulis dalam bahasa Arab akan melalui beberapa peringkat yang tertentu iaitu;

#### **2.7.1 Peringkat Persediaan Untuk Penulisan.**

- i. Dalam peringkat ini, pelajar-pelajar mestilah didedahkan dengan latihan menulis beberapa huruf yang seakan-akan sama

dari segi sebutannya. Oleh itu kemahiran mendengar adalah penting dan pelajar mestilah mampu membezakan di antara bunyi-bunyi yang hampir sama yang tidak ada perbezaan kecuali dari sudut artikulasi atau bentuknya sahaja seperti;

#### JADUAL 2.2 - BUNYI-BUNYI HURUF YANG HAMPIR SAMA

ص	س
ك	ق
غ	ع
ظ	ز
ط	ت
ذ	ز
ض	د
ظ	ط

Latihan ini penting kerana banyak kesilapan yang berlaku dalam penulisan disebabkan oleh ketidakmampuan pelajar mendengar dengan baik dan membezakan bunyi dalam bahasa Arab.

#### ii. latihan pergerakan tangan.

Latihan ini merupakan latihan mekanikal dan ianya penting khususnya bagi pelajar yang sudah biasa dengan teknik menulis

bahasa ibunda yang jelas berbeza dengan cara penulisan dalam bahasa Arab.

Pelajar-pelajar juga haruslah mampu menulis mengikut sistem penulisan bahasa Arab yang bermula dari kanan ke kiri.

Latihan-latihan yang biasa dibuat ialah terdiri daripada membentuk atau membuat garisan lurus, ke atas, ke bawah, bulatan dan bentuk-bentuk yang sesuai dengan tulisan Arab seperti berikut;

أ ب ج د ح

ك م ف ز

ع غ ح

د

ل ل ل ل ل

ر ر ر ر ر

### **2.7.2 Peringkat Penulisan**

Peringkat ini ialah peringkat menggabungkan lambang tulisan dengan bunyi yang disebut. Peringkat ini memerlukan perhatian yang khusus, sabar serta ketekunan di samping latihan-latihan yang berterusan. Pengajaran di peringkat ini biasanya dimulakan dengan latihan menyebut ungkapan-ungkapan yang mampu disebut dan dibaca oleh pelajar. Ini merupakan satu aktiviti yang memerlukan usaha yang gigih dan berterusan, di mana kebanyakan pelajar melakukan kesilapan dalam penulisan mereka dan guru seharusnya membetulkan kesilapan tersebut di peringkat awal lagi.(<sup>c</sup>Abdul Rahman Musa Abkar,1991:100)

### **2.7.3 Aktiviti Kemahiran Menulis**

Abdul Rahman Musa Abkar (1991) juga menyarankan beberapa aktiviti menulis yang boleh dijalankan oleh pelajar. Di antaranya ialah:

i. **latihan mengisi tempat kosong.**

Guru memberikan beberapa ayat dan dikosongkan atau dibuang beberapa perbendaharaan kata yang penting, seterusnya meminta pelajar mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai (lihat lampiran 1.9 Bhg A)

**ii. menyusun perkataan supaya menjadi ayat yang lengkap.**

Perkataan yang diberi tidak disusun dengan betul dan pelajar-pelajar dikehendaki menyusun perkataan tersebut supaya menjadi ayat yang betul dan boleh difahami. (lihat lampiran 1.9 Bhg B)

**iii. latihan pemahaman teks.**

Soalan-soalan pefahaman teks diberi berpandukan teks yang telah dibaca. Pelajar-pelajar perlu menjawab soalan tersebut bertujuan untuk membiasakan mereka dengan kemahiran menulis.

**iv. menyesuaikan di antara soalan dan jawapan.**

Guru memberikan beberapa soalan dan jawapan yang tidak tersusun, manakala pelajar diminta untuk menyesuaikannya serta menyalin soalan dan jawapan yang betul ke dalam buku tulis mereka. Ini merupakan salah satu aktiviti kemahiran menulis juga.

**v. menyalin teks al Quran.**

Sebaik-baiknya guru menyediakan teks untuk dibaca pada permulaan sesi pembelajaran bahasa Arab dan meminta pelajar menyalin sebahagian daripada teks tersebut.

vi. memperbetulkan ayat yang salah.

Guru menyediakan beberapa ayat yang terdapat kesilapan dari segi ejaannya dan meminta pelajar memperbetulkannya serta menyalin semula ayat tersebut ke dalam buku latihan mereka.

Abdul Rahman Musa Abkar (1991:101-102) menyarankan agar disediakan juga latihan pengajaran seni khat dan memberikan asas-asas penulisan untuk membantu pelajar dalam penulisan dan seni khat. Ianya penting kerana tulisan Arab ini sangat berbeza dan mempunyai teknik-teknik serta kaedah-kaedah penulisannya yang cantik dan jelasnya ia amat berbeza dengan bahasa ibunda.

Guru-guru juga boleh mengajar atau mendedahkan kepada para pelajar beberapa asas penting yang boleh membantu dalam pengajaran tulisan dan seni khat (kaligrafi Arab). Di antaranya ialah;

- a) mengajar bentuk yang berbeza pada huruf dari segi kedudukannya sama ada di awal atau di tengah dan di akhir.

Di akhir	Di tengah	Di awal	Huruf
ح	ــ	ـ	الْحِجْمُ
ع / ع	ـــ	ــ	الْعَقْنُ
س	ــــ	ـــ	الْسَّهْنُ
ن	ـــــ	ــــ	الْثُونُ

- b) memberi peringatan kepada pelajar tentang terdapat beberapa huruf Arab yang tidak boleh disambung selepasnya seperti;

,	ا	ج	ر	ذ	د
---	---	---	---	---	---

Di samping itu, guru-guru juga seharusnya mengajar dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang huruf-huruf yang mempunyai persamaan dalam satu kelompok di mana di dalam bahasa Arab terdapat beberapa huruf yang hampir sama bentuknya dan ini menyebabkan pelajar tidak dapat membezakannya. Ianya boleh dibahagikan kepada beberapa kelompok berikut dari segi tulisannya seperti;

ث	ت	ب
خ	ح	ج
	ذ	د
	ز	ر
	ش	س
	ض	ص
	ظ	ط
	غ	ع
ق		ف

(dalam Mahmood Fahmi Hijazi, 1991:24)

Untuk menambahkan nilai dan mutu sesuatu pengajaran, guru haruslah memperolehi pengetahuan dan menguasai kemahiran serta cekap

memilih kaedah dan teknik yang paling sesuai dan berkesan dalam sesuatu situasi pelajaran (*Mok Soon Sang 1996:6*).

Strategi pengajaran dan pembelajaran yang baik serta sesuai untuk sesuatu pelajaran akan membolehkan guru mencapai objektif pelajarannya dengan berkesan. Di samping itu, ia akan menimbulkan minat dan mendorong pelajar-pelajar untuk belajar dengan bersungguh-sungguh.

## **2.8 Kajian Tempatan Berkaitan Dengan Kemahiran Menulis Bahasa Arab**

Terdapat beberapa kajian yang telah dibuat oleh sarjana tempatan yang berkaitan dengan kemahiran menulis bahasa Arab di kalangan pelajar .

Kelemahan pelajar dalam menguasai penulisan hamzah jelas digambarkan oleh Nor Hayati Awang @ Sulong (1998:76) dalam disertasinya yang bertajuk “*Analisis Kesilapan Penulisan Lambang Hamzah Dalam Bahasa Arab: Kajian Kes Pelajar-Pelajar Menengah Atas*” menurutnya: hanya 16% sahaja pelajar yang mampu menguasai penulisan hamzah dengan baik. Sementara itu, pelajar yang mengakui boleh mengeja hamzah seramai 52%. Melalui ujian mengeja hamzah, didapati sebanyak 4% pelajar yang terlalu banyak melakukan kesalahan mengeja dan ini merupakan tahap terendah.

Menurut beliau juga, "hamzah" memainkan peranan yang penting dalam penulisan bahasa Arab. Sekiranya kita tidak mengambil berat tentang cara penulisannya di dalam sesuatu perkataan, ia boleh mengubah makna perkataan tersebut dan memberi maksud kurang jelas atau tidak boleh difahami.

Manakala Naimah Abdullah (1995:147) dalam kajiannya yang bertajuk "*Masalah Ejaan Arab di Kalangan Pelajar*" telah menyatakan bahawa kesilapan-kesilapan ejaan yang telah dilakukan itu memperlihatkan usaha pelajar untuk menguasai peraturan-peraturan mengeja adalah sukar dan mengelirukan. Kekurangan pengetahuan tentang kaedah ejaan Arab terbayang apabila didapati sebilangan besar pelajar mengabaikan kedudukan "hamzah" di dalam perkataan yang sepatutnya diambil berat kerana berbeza tempat kedudukannya akan membezakan makna perkataan. Tanda shaddah juga perlu ditulis dalam ejaan kerana ada atau ketiadaan tanda ini juga boleh menentukan perbezaan makna. Begitu juga dengan bilangan "gigi" atau "rumah" huruf yang berbeza antara satu huruf dengan huruf yang lain dan banyak lagi aspek lain yang harus diberi perhatian semasa menulis. Akan tetapi ternyata semuanya dipandang ringan oleh pelajar. Ini menunjukkan kurangnya kepekaan mereka terhadap masalah tersebut disebabkan kelemahan mereka tentang kaedah tulisan dan ejaan Arab.

Md Nasir Omar (1996) telah membuat kajian dalam disertasinya tentang “*Pengajaran Bahasa Arab Kepada Pelajar-pelajar Peringkat Permulaan di Pusat Matrikulasi UIAM*“. Menurut beliau pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Arab pada peringkat permulaan sewajibnya mampu menguasai penulisan mengikut tahap kemampuan mereka seperti penulisan berbentuk perbualan ringkas, rangkaian ayat yang betul dan sebagainya.

Hasil dari kajian tersebut, beliau telah mengemukakan beberapa perkara yang perlu ditekankan dalam pengajaran kemahiran menulis dan yang penting ialah seperti berikut;

- a) menyusun huruf-huruf untuk menjadi satu-satu perkataan.
- b) penulisan hendaklah dengan ejaan yang betul dan jelas serta dapat dibaca.
- c) menulis mengikut sistem penulisan bahasa Arab yang bermula dari kanan ke kiri.
- d) membezakan baris pada setiap huruf Arab sama ada yang berada di awal, di tengah dan di akhir setiap perkataan.
- e) membezakan tulisan ta' marbutah iaitu ta' bulat dan ta' maftuhah iaitu ta' terbuka.
- f) membezakan jenis-jenis huruf mad iaitu huruf panjang dan pendek.
- g) membuat catatan ringkas.

## **2.9 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, pendedahan bahasa kedua kepada pelajar amat penting kerana ianya jarang digunakan dalam kehidupan seharian, berbeza dengan bahasa ibunda yang selalu digunakan setiap hari. Oleh itu teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua ini perlu dipelbagaikan agar ia dapat dikuasai dengan baik.

Kemahiran menulis amat penting kerana ia bertindak sebagai alat untuk menurunkan segala isi pelajaran. Ianya juga penting dalam hampir semua mata pelajaran di sekolah di mana pelajar memerlukan kemahiran ini untuk menjawab soalan-soalan terutama jenis esei.

Melalui kajian yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu, terdapat sebilangan kecil pelajar yang dapat menguasai kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik. Sekiranya kemahiran mengeja dan menulis bahasa Arab tidak dititikberatkan, maka pelajar-pelajar tidak akan dapat menguasainya dengan baik.

Walaupun kemahiran menulis dianggap sebagai satu kemahiran yang paling sukar dikuasai oleh pelajar tetapi ianya boleh diatasi melalui latihan yang berterusan. Oleh itu latihan dan penilaian amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah. Tanpa latihan yang bercorak praktis, pelajar tidak akan berpeluang menggunakan kemahiran-kemahiran yang telah diajar.

Pandangan-pandangan pengkaji tentang soalan-soalan latihan kemahiran menulis di kalangan pelajar telah banyak membantu penulis membuat kajian yang lebih mendalam terhadap penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab. Hakikatnya ialah kemahiran menulis adalah sangat penting dan sama pentingnya jika dibandingkan dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain.